

# Belanjawan 2021: Sentuh aspek penjenamaan semula pekerjaan

Oleh [Luqman Arif Abdul Karim](#) - Oktober 28, 2020 @ 7:12pm  
[luqman.arif@bh.com.my](mailto:luqman.arif@bh.com.my)



Ahli Panel dari kiri: Timbalan Dekan (Penyelidikan & Inovasi) Fakulti Ekonomi dan Pengurusan UKM; Prof Madya Dr Tamat Sarmidi; Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Datuk Abdul Halim Mansor; Pengarah Eksekutif Persekutuan Majikan Malaysia (MEF), Datuk Shamsuddin Bardan dan Moderator Fazilah Hani Harun pada program Bicara BH Belanjawan 2021, Apa Perlu Ada? di Studio Balai Berita NSTP, Bangsar. - NSTP/Osman Adnan

KUALA LUMPUR: Belanjawan 2021 wajar menyentuh usaha penjenamaan semula pekerjaan meliputi pelbagai industri, khususnya yang sebelum ini didominasi oleh pekerja asing.

Pengarah Eksekutif Persekutuan Majikan Malaysia (MEF), Datuk Shamsuddin Bardan, berkata pandemik COVID-19 menyaksikan industri yang mempunyai kebergantungan tinggi terhadap pekerja asing mengalami kesan teruk sehingga menjelaskan operasi harian mereka.

Sehubungan itu, katanya, kekosongan jawatan yang tercetus berikut 'kehilangan' pekerja asing di beberapa industri memerlukan penyelesaian bersifat tuntas, dengan penawaran imbuhan menarik dan bersesuaian.

"Kena ada penjenamaan semula pelbagai pekerjaan, kita ambil contoh, pengawal keselamatan atau 'jaga' yang sebelum ini tidak dapat dinafikan didominasi warga Nepal.

"Kenapa masih menggaji warga Nepal, sedangkan kita masih mempunyai rakyat tempatan yang tidak mempunyai pekerjaan dan hilang punca pendapatan berikutan pandemik COVID-19.

"Isunya rakyat tempatan tidak berminat untuk bekerja sebagai jaga kerana disifatkan tidak popular dan sering dikaitkan dengan tanggapan darjah yang rendah dalam masyarakat.

"Akan tetapi, satu lagi pekerjaan yang juga pengawal keselamatan sebenarnya mendapat permintaan dan berupaya menarik minat orang ramai untuk menceburinya, iaitu 'jaga' tetapi daripada unit polis bantuan.

"Mengapa mereka ini popular disebabkan setiap polis bantuan menerima latihan daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM), termasuk cara mengendalikan senjata dan langkah pertahanan diri," katanya pada program Bicara BH, di sini, hari ini.

Dikendalikan moderator Fazilah Hani Harun, bicara bertajuk 'Belanjawan 2021: Apa Perlu Ada' turut menampilkan Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Datuk Abdul Halim Mansor serta Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi) Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Tamat Sarmidi.

Shamsuddin berkata aspek penambahbaikan lain yang perlu diberikan penekanan dalam Belanjawan 2021 ialah pensijilan kemahiran yang diberikan secara percuma.

Menerusi penelitian awal, katanya, usaha sedemikian dijangka memerlukan peruntukan sebanyak RM3 bilion, namun pulangan jangka panjang yang berupaya diperoleh daripada langkah sedemikian adalah sangat berbaloi.

"Kesan gandaan daripada usaha ini adalah lebih besar kerana ia dapat mewujudkan pekerja separa mahir di negara ini, berbanding lepasan sekolah atau universiti yang tidak mempunyai kemahiran.

"Kalau difikirkan, sebenarnya tidak perlu diperuntukkan gaji minimum, sebaliknya gaji pekerja dinilai berdasarkan taraf pensijilan, dengan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) 5 dianggap taraf ijazah sarjana.

"Sekiranya kekosongan di pelbagai industri yang sebelum ini didominasi warga asing dapat diisi pekerja tempatan, masalah 'pokok' iaitu aliran keluar wang menjangkau RM34 bilion setahun dapat ditangani," katanya.